

U B792 DEB  
PARLIMEN - MENTERI

KUALA LUMPUR, 14 OKT (BERNAMA) -- KESEMUA MENTERI KABINET TERMASUK PERDANA MENTERI SENDIRI TELAH MENGISYTIHARKAN ASET MASING-MASING SEPERTI DIKEHENDAKI OLEH KERAJAAN, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN BERPUAS HATI BAHAWA IANYA MEMENUHI TUJUAN-TUJUAN YANG DIHARAPKAN.

KETIKA MENJAWAB SOALAN ENCIK FUNG KET WING (DAP-SANDAKAN), BELIAU BERKATA KERAJAAN TIDAK BERCADANG HENDAK MENGUBAH CARA PERISYTIHARAN ASET YANG BERJALAN SEKARANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA CARA PERISYTIHARAN ITU DITERIMA OLEH RAKYAT DAN INI TERBUKTI DENGAN RAKYAT SEKALI LAGI MEMBERI KEPERCAYAAN MEREKA KEPADA BARISAN NASIONAL UNTUK MEMERINTAH TERUS NEGARA INI.

+INI MENUNJUKKAN BAHAWA RAKYAT MENERIMA TAFSIRAN MENGENAI PERISYTIHARAN ASET OLEH BARISAN NASIONAL DARIPADA TAFSIRAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG,+ KATANYA KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN ENCIK SIM KWANG YANG (DAP-KUCHING).

-- LAGI

1624MST 14 10 86

U B794 DEB  
PARLIMEN - MENTERI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN YANG ADA SEKARANG DILANTIK OLEH RAKYAT YANG TIDAK MEMPERTIKAIKAN +AKAUNTIBILITI+ AWAMNYA SEBAGAIMANA CUBA DIPERTIKAIKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG TERUTAMA DAP.

KATANYA, SAMA ADA PRINSIP AKAUNTIBILITI TAFSIRAN BN DITERIMA OLEH PEMBANGKANG ATAU TIDAK BUKANNYA PENTING KERANA BN TELAH PUN MENGALAHKAN PARTI PEMBANGKANG SERTA MEMPEROLEHI KEMENANGAN 4/5 PADA PILIHAN RAYA UMUM 3 OGOS LEPAS.

KEPADA SOALAN TAMBAHAN ENCIK ZUBIR EMBONG (BN-KUALA TERENGGANU), DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERISYTIHARAN ASET OLEH JEMAAH MENTERI BUKANNYA SATU CARA KERAJAAN UNTUK MENUNJUKKAN AKAUNTIBILITINYA ATAU TIDAK KEPADA ORANG RAMAI.

KERAJAAN TELAH MEMERINTAH NEGARA INI DENGAN BAIK, SEBAB ITU RAKYAT TERUS MEMBERI MANDAT KEPADA BN PADA PILIHAN RAYA UMUM LEPAS, KATANYA.

MENURUT BELIAU PERISYTIHARAN ASET SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH PENTADBIRAN NEGARA INI JARANG DIBUAT OLEH NEGARA-NEAGRA ASING TERMASUK +NEGARA+ YANG SENTIASA DISANJUNG TINGGI OLEH DAP. -- BERNAMA  
1631MST 14 10 86